

TAHAP KOMPETENSI PENGGUNAAN KAEDAH
PEMBELAJARAN TERADUN MENGGUNAKAN
GOOGLE CLASSROOM DALAM
PEMBELAJARAN DAN
PEMUDAHCARAAN (PDPC)

SUGUMAR A/L N.GANESAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**TAHAP KOMPETENSI PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN
TERADUN MENGGUNAKAN GOOGLE CLASSROOM DALAM
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)**

SUGUMAR A/L N.GANESAN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(TEKNOLOGI MAKLUMAT)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022




Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **30 November 2022****i. Perakuan pelajar :**

Saya, SUGUMAR A/L N.GANESAN, M20252001640 (FSKIK) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TAHAP KOMPETENSI PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN TERADUN MENGGUNAKAN GOOGLE CLASSROOM DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR UMMU HUSNA AZIZAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TAHAP KOMPETENSI PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN TERADUN MENGGUNAKAN GOOGLE CLASSROOM DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16.12.2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia
Dr. Ummu Husna Azizan
Pensyarah Kanan
Jabatan Komputeran
FSKIK



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TAHAP KOMPETENSI PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN TERADUN MENGGUNAKAN
GOOGLE CLASSROOM DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

No. Matrik /Matric's No.: M20152001640

Saya / I : SUGUMAR A/L N.GANESAN
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar/ Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Dr. Ummu Husna Azizan
Pensyarah Kanan
Jabatan Komputeran
FSKIK

Tarikh: 16/12/2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang mendalam kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dan juga kepada Dr. Ummu Husna Bt. Azizan penyelia penyelidikan saya untuk bimbingan dan pemantauan yang diberikan. Saya berterima kasih kepada UPSI kerana berkesempatan melanjutkan pembelajaran ke peringkat Sarjana saya.

Terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan dan Guru Besar saya kerana meluluskan usaha saya untuk melanjutkan pembelajaran saya ke peringkat Sarjana. Saya bertanggungjawab kepada rakan sekerja atas kerjasama mereka.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada isteri saya Puan Thirumagal, ibu bapa, adik-beradik saya, anak-anak saya yang sangat berharga, Thaneeggan dan anak perempuan saya, Lithikaasri di atas kesabaran mereka dalam mewujudkan impian yang sangat bermakna ini dan semua orang yang saya tertinggal untuk menamakan di sini.





ABSTRAK

Pembelajaran teradun merupakan salah satu pendekatan yang efektif dalam tempoh pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kompetensi penggunaan kaedah pembelajaran teradun menggunakan Google Classroom dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan mengenal pasti sikap murid-murid dalam pembelajaran teradun. Selain itu, kajian ini juga mengkaji tahap pemahaman Google Classroom dalam kalangan guru-guru serta kompetensi mereka dalam penggunaan Google Classroom sebagai medium pembelajaran teradun. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 120 orang guru-guru dan 80 murid sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Jasin. Dapatan menunjukkan bahawa tahap sikap murid-murid terhadap pembelajaran teradun menggunakan Google Classroom dalam PdPc adalah tinggi. Ini menunjukkan mereka menerima dengan positif pembelajaran secara dalam talian dengan menggunakan Google Classroom yang merupakan satu platform pembelajaran yang ideal dan unik. Kajian ini menunjukkan Taksonomi Bloom yang menekankan cabang kognitif iaitu elemen yang melibatkan otak dan pemikiran manusia bukan sahaja boleh diaplikasikan dengan jayanya dalam pembelajaran bilik darjah tradisional malah juga boleh diaplikasikan sepenuhnya melalui pembelajaran teradun Google Classroom. Kajian ini adalah penting kerana dapat memberikan kesedaran kepada guru-guru tentang kedudukan sebenar penggunaan kaedah pembelajaran teradun menggunakan Google Classroom dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Penggunaan Google Classroom diterima oleh murid-murid dan juga guru-guru yang menggunakannya dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran mereka.



COMPETENCE LEVEL IN USING GOOGLE CLASSROOM BLENDED LEARNING METHOD IN LEARNING AND FACILITATION

ABSTRACT

Blended learning is one of the effective approaches during the COVID-19 pandemic. This study aims to examine the competence of using blended learning methods using Google Classroom in learning and facilitation (PdPc) by identifying the attitudes of students in blended learning. In addition, this study also examines the level of understanding of Google Classroom among teachers as well as their competence in using Google Classroom as a blended learning medium. This study uses a quantitative method in the form of a survey. The study sample consisted of 120 teachers and 80 students of Tamil National Type schools in Jasin district. Findings show that the students' attitude towards blended learning using Google Classroom in PdPc is high. This shows that they positively accept online learning by using Google Classroom which is an ideal and unique learning platform. This study shows that Bloom's Taxonomy which emphasizes the cognitive branch which is the element involving the brain and human thinking can not only be applied successfully in traditional classroom learning but can also be fully applied through Google Classroom blended learning. This study is important because it can provide awareness to teachers about the real position of using blended learning methods using Google Classroom in learning and facilitation. The use of Google Classroom is accepted by students and teachers who use it in their learning and teaching activities.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULIHAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xii

SENARAI SINGKATAN xiii

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 1

1.3 Pernyataan masalah 5

1.4 Objektif Kajian 7

1.5 Persoalan Kajian 7

1.6 Kerangka Konseptual 8



1.7	Kepentingan Kajian	10
1.7.1	Guru	10
1.7.2	Murid-murid	11
1.7.3	Sekolah	12
1.8	Definisi Operasi	12
1.8.1	Pembelajaran Teradun	13
1.8.2	Google Classroom	13
1.9	Kesimpulan	14

BAB 2**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Pembelajaran Teradun di Malaysia	16
2.3	Google Classroom	24
2.4	Pembelajaran Taradun	28
2.5	Latihan Kemahiran TMK Untuk Guru-guru Dalam Perkhidmatan	32
2.6	Teori konstruktivism dalam Pembelajaran Teradun	34
2.7	Teori Taksonomi Bloom	36
2.8	Teori Vygotsky	42
2.9	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	43
2.10	Pembelajaran Abad ke-21	47
2.11	Kesimpulan	49

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Populasi dan Persampelan	52
3.4	Instrumen Kajian	53
3.4.1	Instrumen Pertama	53
3.4.2	Instrumen Kedua	54
3.4.3	Instrumen Ketiga	55
3.5	Kajian Rintis	56
3.5.1	Kesahan dan kebolehpercayaan	57
3.5.2	Kesahan dan kebolehpercayaan	58
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.7	Kesimpulan	60

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	61
4.2	Latar belakang responden	62
4.2.1	Demografi Guru	62
4.2.2	Demografi Murid-murid	65
4.3	Dapatan Kajian	67
4.3.1	Sikap murid-murid dalam pembelajaran teradun menggunakan Google Classroom dalam PdPc	67
4.3.2	Tahap Kompetensi Google Classroom sebagai medium Pembelajaran Teradun Dalam Kalangan Guru-guru	69

4.3.3	Kompetensi Google Classroom sebagai medium pembelajaran teradun	71
4.4	Kesimpulan	73
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pendahuluan	74
5.2	Perbincangan	75
5.2.1	Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian 1	77
5.2.2	Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian 2	78
5.2.3	Ringkasan Dapatan Persoalan Kajian 3	79
5.2.4	Sumbangan Kajian	79
5.3	Implikasi kajian	80
5.3.1	Implikasi Kepada Guru	82
5.4	Cadangan kajian lanjutan	83
5.5	Penutup	84
RUJUKAN		86
LAMPIRAN		99

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kebolehpercayaan Instrumen PdPc	57
4.1	Demografi Guru Kajian	62
4.2	Demografi Murid-murid-murid-murid Kajian	65
4.3	Nilai Skor Min (M) dan Sisihan Piawai (SD) Tahap Sikap Murid-murid dalam Pembelajaran Teradun Menggunakan Google Classroom dalam PdPc	67
4.4	Nilai Skor Min (M) dan Sisihan Piawai (SP) Keseluruhan Tahap Sikap Murid-murid-murid-murid dalam Pembelajaran Teradun Menggunakan Google Classroom	68
4.5	Perbezaan dalam Sikap Murid-murid-murid-murid dalam Pembelajaran Teradun Menggunakan Google Classroom Berdasarkan Jantina	69
4.6	Nilai Skor Min (M) dan Sisihan Piawai (SD) Tahap kompetensi Google Classroom dalam Kalangan Guru-Guru	70
4.7	Kompetensi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Teradun	71
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	76



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual.	9
1.2	Zon Perkembangan Proximal	9
2.1	Taksonomi Bloom.	41
3.1	Prosedur Pelaksanaan Kajian dan Pengumpulan Data	59





SENARAI SINGKATAN

GC	Google Classroom
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bab satu ini, pengkaji akan membincangkan beberapa sub topik utama yang akan memberikan maklumat lengkap mengenai pengenalan kajian yang dilakukan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, seterusnya objektif kajian dan persoalan kajian serta diikuti dengan kerangka konseptual, kepentingan kajian, limitasi kajian, definisi operasional dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam era pendidikan moden, penggunaan teknologi dalam bilik darjah mempermudah penyampaian pengetahuan kepada murid-murid. Pembelajaran teradun adalah kaedah yang merangkumi gabungan pendekatan pembelajaran secara bersemuka dan pembelajaran dalam talian yang melibatkan 30% -79% kandungan



kursus disampaikan dalam talian (Allen & Seaman, 2011). Pembelajaran teradun dapat meningkatkan ciri-ciri fleksibiliti dalam proses pembelajaran serta membolehkan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana lokasi yang memiliki keupayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), seterusnya memberi peluang kepada murid-murid untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pembelajaran mereka (Noh, Abdullah, Teck, & Hamzah, 2019). Persekitaran Pembelajaran Maya (Google Classroom) seperti bilik darjah dalam talian dan ruang sosial di sekolah dan juga sebagai sistem pembelajaran dalam talian menyerupai pendidikan dunia realiti dengan menyatukan konsep maya dan pendidikan tradisional. Ia mempunyai kalendar, laman sembang atau ruang forum, ruang kerja dan ruang penilaian. Sebagai contoh, pendidik boleh mengajar, menjalankan ujian dan menyemak kerja sekolah secara maya manakala murid-murid boleh memuat naik tugas sekolah dan merujuk markah ujian melalui Google Classroom. Interaksi antara ibu bapa dengan guru dipermudahkan dan pihak sekolah boleh mengemas kini atur cara aktiviti sekolah dan mengeluarkan notis melalui Internet. Oleh kerana Google Classroom boleh dicapai pada bila-bila masa menggunakan apa jua peranti yang mempunyai capaian internet, pembelajaran maya boleh berlaku di mana dan pada masa yang sesuai.

Kajian ini melihat kepada kompetensi penggunaan kaedah pembelajaran Google Classroom. Ini bertujuan untuk menyiasat aktiviti yang dijalankan pada beberapa tahap latihan. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kompetensi reka bentuk Google Classroom untuk guru-guru dalam perkhidmatan secara e-pementoran. Antara elemen-elemen kemahiran berfikir secara kompleks yang berkaitan dalam latihan adalah kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran reka bentuk dan kemahiran membuat keputusan.





Apabila bercakap dengan pakar-pakar pendidikan mengenai pembelajaran teradun, kita sering mendengar soalan, “Adakah ia berfungsi?” Apa yang ingin diketahui ialah, “Jika membiayai inisiatif pembelajaran teradun atau melaksanakan program pembelajaran seumpamanya di sekolah, bolehkah pembelajaran teradun meningkatkan pembelajaran murid-murid?” Biasanya, pakar pendidikan ini berpendapat potensi pembelajaran yang digabungkan untuk membolehkan pembelajaran berpusatkan murid dan meningkatkan hasil murid. Hari ini, semakin banyak sekolah melaksanakan pembelajaran teradun untuk mencapai tahap penguasaan yang boleh diukur bagi murid-murid mereka.

Kehadiran teknologi di sekolah tidak menjamin peningkatan dalam pembelajaran murid-murid. Model pembelajaran teradun yang direka bentuk dan dilaksanakan mengikut pemahaman terbaik diperlukan untuk berjaya. Sekolah yang menggunakan pembelajaran teradun masih mencari langkah baru untuk meningkatkan hasil pembelajaran murid-murid. Sekolah perlu menggunakan pembelajaran teradun dalam kombinasi dengan pendekatan pengajaran lain dan menyelaraskan setiap pendekatan dengan pekerjaan yang paling sesuai. Sebagai contohnya, sekolah menggunakan pembelajaran teradun bersempena dengan pembelajaran berasaskan projek untuk mengkhususkan arahan untuk murid-murid. Sekolah juga perlu meneliti langkah untuk menggunakan arahan berasaskan komputer dengan kombinasi arahan kumpulan kecil atau projek bagi memenuhi pelbagai keperluan pembelajaran murid-murid. Istilah “pembelajaran teradun” bermaksud bahawa gabungan pengajaran dalam talian dan secara bersemuka adalah penting untuk menyokong aspek pembelajaran yang berkesan.





Pembelajaran teradun yang berkualiti tinggi memerlukan jalur lebar Internet yang mencukupi, kemudahan fizikal yang sesuai, prosedur kelas dan budaya yang baik dan yang paling penting guru yang berkemahiran. Pembelajaran teradun dapat menjadi sumber yang baik dalam pengajaran berpusatkan murid, yang dapat menghasilkan murid yang celik. Banyak sekolah hari ini menguji dan menyempurnakan model pembelajaran teradun mereka untuk mengetahui bagaimana mencapai hasil pembelajaran yang semakin kukuh. Walau bagaimanapun, kejayaan mana-mana program pembelajaran teradun bergantung pada bagaimana pemimpin sekolah merancang dan melaksanakannya dengan matlamat yang jelas dan dengan mengambil kira elemen penting seperti guru, kemudahan, kurikulum dan budaya (Arnett, 2014). Bagi guru-guru, mereka memerlukan sokongan yang menyeluruh dalam melaksanakan pembelajaran teradun ini (Vatanartiran & Karadeniz, 2015).



Google Classroom telah dipilih sebagai suatu medium teknologi pembelajaran dalam talian yang menjadi pilihan utama PdPc atau lebih dikenali sebagai PdPcr (Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah) yang sangat terkenal dalam kalangan guru di sekolah sejak penularan wabak COVID-19; namun masih ada guru yang kurang berkemahiran dan bersikap sambil lewa dalam penggunaan teknologi pembelajaran dalam talian (Google Classroom) di sekolah. Kajian Rusdiana et al. (2020) menyatakan bahawa tahap penguasaan teknologi yang rendah dalam kalangan pendidik menghalang penyampaian bahan PdPc kepada murid-murid. Pemahaman guru masih kurang dalam penggunaan Google Classroom disokong oleh Apriyanti et al. (2019). Tambahan pula, ramai guru yang masih menggunakan kaedah konvensional (ceramah, penerangan, latihan tubi dan sebagainya) dalam pengajaran dan tidak menggunakan sumber Internet untuk menyokong PdPc dalam talian. Pelaksanaan PdPc secara talian dengan berkesan adalah





menjadi satu cabaran kepada guru (Kaukab et al., 2018). Namun begitu, Sidhartha (2020) berpendapat bahawa semangat guru yang ingin menggunakan teknologi dapat memupuk semangat murid-murid untuk meluangkan masa dalam talian dan meningkatkan pencapaian mereka. Heggart et al. (2018) telah mengkaji kompetensi penggunaan Google Classroom dengan pendidikan sekolah rendah dan mendapati penggunaannya memberi dorongan kepada murid-murid untuk menggunakan platform PdPc dalam talian hingga ke peringkat pengajian tinggi. Menurut Kaukab et al. (2018), pada asasnya PdPc dalam talian yakni Google Classroom adalah kurang mesra pengguna dalam kalangan guru tetapi galakan pentadbir menyebabkan penggunaannya meningkat secara drastik.

1.3 Pernyataan masalah



Terdapat banyak komponen perisian dalam aplikasi Google yang telah dilesenkan ke sekolah untuk digunakan oleh tenaga pengajar dan murid-murid, selain pelanggan komersial. Komponen Google Classroom, yang terpisah dari aplikasi Google yang dilesenkan ke sekolah dan yang dapat diakses di Internet, adalah komponen yang ditujukan khusus untuk sekolah dan penggunaannya, terutama tenaga pengajar dan murid-murid. Aplikasi Google bukan sahaja menawarkan persekitaran kondusif bagi guru untuk mengajar, tetapi juga menyediakan persekitaran berpusatkan murid-murid untuk belajar. Aplikasi Google Classroom direka untuk mempermudah pembelajaran murid-murid cara inovatif. Namun sebilangan besar murid-murid kurang berminat mengambil kesempatan alat ini buat peningkatan kemahiran kognitif mereka. Kebanyakan murid-murid berpendapat kelas dalam talian membantu menambah ilmu





tetapi kelas fizikal tetap menjadi pilihan kerana kelas fizikal menjadi medium terpenting dalam sistem pendidikan memandangkan ia mempunyai sesuatu keistimewaan yang sukar digambarkan (Student Voice Matters (SVM), 2021). Portal Google Classroom jarang digunakan sebab murid-murid bersikap kurang ingin memajukan diri dalam bidang ilmu. Guru-guru mencuba memperluaskan penggunaan aplikasi ini, tetapi hanya segelintir murid-murid cenderung menggunakannya. Hal ini kerana murid-murid kadang kala sukar untuk memahami pembelajaran yang diajarkan oleh guru secara dalam talian berbanding bersemuka, dan dalam pada itu talian internet yang lemah menyukarkan lagi keadaan (SVM, 2021).

Oleh kerana perisian Google Classroom menggunakan komputer dan talian Internet, dan peratus murid-murid yang tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah adalah tinggi, ini sudah tentu mengekang peluang murid-murid untuk memanfaatkan kemudahan ICT di rumah pada masa pandemik COVID-19 ini. Untuk memantapkan penggunaan Google Classroom dalam pendidikan di Malaysia, semua pemegang taruh seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan, Bahagian Teknologi Pendidikan, pentadbir sekolah dan guru serta ibu bapa perlu bekerjasama untuk mengatasi kekangan sedia ada. Beberapa kajian tentang penggunaan Google Classroom pernah dijalankan di Malaysia di peringkat menengah dan pengajian tinggi tetapi jarang dilakukan buat peringkat sekolah rendah.

Oleh itu, suatu kajian yang dapat merungkai masalah dihadapi oleh guru dan murid dalam penggunaan perisian Google Classroom terutama di peringkat sekolah rendah amat diperlukan. Berdasarkan huraian yang diberi, penyelidik berminat untuk menjalankan penyelidikan mengenai “Tahap Kompetensi Penggunaan Kaedah





Pembelajaran Teradun Menggunakan Google Classroom Dalam Pembelajaran & Pemudahcaraan (PdPc).”

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti sikap murid-murid dalam pembelajaran teradun menggunakan Google Classroom dalam kalangan murid-murid lelaki dan perempuan.
2. Mengkaji tahap pemahaman Google Classroom dalam kalangan guru-guru.
3. Mengkaji tahap kompetensi Google Classroom sebagai medium pembelajaran teradun dalam kalangan guru.



1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap sikap murid-murid dalam pembelajaran teradun menggunakan Google Classroom dalam PdPc dalam kalangan murid-murid lelaki dan perempuan?
2. Apakah tahap pemahaman Google Classroom dalam kalangan guru-guru?
3. Adakah Kompetensi Google Classroom berkesan sebagai medium pembelajaran teradun dalam kalangan guru?






1.6 Kerangka Konseptual


Kerangka Konseptual Kompetensi e-Pementoran dalam Latihan Kemahiran TMK untuk guru-guru ini direka selepas mengetahui masalah kajian. Oleh itu, beberapa teori dan konsep digunakan untuk menyelesaikan masalah kajian. Pertama, teori *Zone of Proximal Development* yang dicadangkan oleh Vygotsky (1978) telah diaplikasi untuk persoalan kajian pertama. Seseorang individu dapat menghasilkan sesuatu atau membuat rekaan sendirinya pada masa hadapan jika mempunyai bimbingan dari seseorang. Teori Vygotsky berbeza dari teori Piaget kerana menyatakan bahawa tingkah laku manusia dipengaruhi oleh masyarakat. Vygotsky menerangkan bahawa perlakuan manusia dibina melalui tranformasi dan kolaborasi yang dipengaruhi oleh budaya, kepercayaan dan individu yang lain (Vianna & Stetsenko, 2006). ZPD merupakan “jurang antara tahap perkembangan asal yang melibatkan kemahiran penyelesaian masalah secara sendiri yang dibimbing oleh seseorang atau kolaborasi dengan rakan sebaya yang mahir” (Vygotsky, 1978). Dalam erti kata lain, ZPD merupakan zon kemahiran yang tidak dapat dikuasai oleh seseorang individu dan memerlukan bimbingan rakan sebaya yang mahir atau pun seorang pakar (Woolfolk, Winne, & Perry, 2000).

Terdapat 4 tahap (bimbingan, bimbingan sendiri, fosilisasi dan aplikasi) dalam cabang utama kerangka konseptual ini. Kesemua tahap ZPD ini berfungsi dalam bentuk kitaran di mana setiap kali murid-murid akan dibimbing apabila sesuatu kemahiran baru diajar atau diperkenalkan kepada mereka. Mentor atau guru-guru memainkan peranan yang penting dalam setiap kitaran tahap ini.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual.



Rajah 1.2. Zon Perkembangan Proximal

Zon perkembangan proksimal pelajar dinilai melalui interaksi atau kerjasama dengan pelajar kerana ia memberi peluang untuk meniru, iaitu cara untuk mengenal pasti fungsi psikologi matang yang masih tidak mencukupi untuk prestasi bebas. Dengan menggunakan prinsip kerjasama untuk mewujudkan zon bagi perkembangan proksimal, kami memungkinan untuk mengkaji secara langsung apa yang menentukan dengan tepat kematangan mental yang mesti direalisasikan dalam tempoh proksimal dan seterusnya peringkat perkembangannya. (Vygotsky, 1998b, hlm. 203)

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kompetensi penggunaan kaedah pembelajaran teradun menggunakan teknologi Google Classroom dalam PdPc. Kajian ini boleh mengenal pasti aspek-aspek yang mendorong guru-guru untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

1.7.1 Guru

Kajian ini menjamin ketrampilan guru itu menggunakan TMK dalam pengajaran. Penyediaan guru-guru dalam penggunaan teknologi pendidikan adalah satu komponen utama dalam hampir setiap cadangan peningkatan program pendidikan (Davis & Falba, 2002; Dawson, Pringle, & Adams, 2003; Thompson, Schmidt, & Davis, 2003). Pelbagai institusi pengajian tinggi telah menawarkan program peningkatan penggunaan teknologi dalam kalangan guru pelatih.



Tambahan pula, kajian ini membantu guru-guru untuk mengintegrasikan Google Classroom dalam pembelajaran. Pengintegrasian Google Classroom dalam PdPc bermaksud penggunaan teknologi pembelajaran untuk memperkenalkan, mengukuhkan, menambah dan mengembangkan kemahiran (Pisapia & Braver, 2004). Ia juga dilihat dari segi aspek penggunaan komputer secara berkesan dan efisien dalam PdPc dengan membenarkan murid-murid belajar mengaplikasikan kemahiran komputer (Norizan & Raja Maznah, 2004). Peranan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran akan membawa kepada kaedah-kaedah baru yang dapat merangsang pemikiran murid-murid dengan kepelbagaian sumber maklumat.

Kajian ini juga akan meningkatkan kualiti guru, yang merupakan satu faktor penting. Guru memerlukan pendedahan kerana sekarang terdapat semakin banyak perisian dalam talian yang menawarkan perkhidmatan telesidang secara percuma (contoh *Skype*). Ini boleh digunakan dalam PdPc atau untuk interaksi antara guru-murid dan murid-murid. Ramai guru sudah menjalani latihan formal berkenaan penggunaan TMK kendalian Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri selain sekolah. Latihan tersebut menyumbang kepada peningkatan kemahiran dalam kalangan guru (Norizan, 2003; Rosnaini & Mohd Arif, 2010; Wong, 2002).

1.7.2 Murid-murid

Kajian ini dapat meningkatkan penguasaan minat murid-murid terhadap Google Classroom. Ini dapat meningkatkan penggunaan komputer dan Internet secara tidak langsung. Ia juga mendorong kepada suasana pembelajaran teradun yang lebih



menyeronokkan kepada murid-murid. Murid-murid boleh membuat latihan, tugas serta perkongsian maklumat di alam maya.

Selain itu, murid-murid akan mendapat pengetahuan memuat naik dan memuat turun bahan pembelajaran dari Internet. Pengetahuan yang diperolehi oleh guru-guru tentang Google Classroom dapat membantu membimbing murid-murid menggunakan pelantar e-pembelajaran ini semaksima yang boleh.

1.7.3 Sekolah

Guru-guru yang pakar dalam penggunaan Google Classroom dapat memberikan komitmen secara menyeluruh dalam proses pengajaran. Dalam pada itu, murid-murid dapat meningkatkan kecemerlangan dalam pembelajaran teradun melalui teknologi Google Classroom. Pihak pentadbir sekolah juga dapat memantau pencapaian murid-murid melalui analisis penggunaan Google Classroom dalam pembelajaran teradun yang dijalankan.

1.8 Definisi Operasi

Dalam konteks ini penyelidik akan membincangkan maksud-maksud istilah yang telah digunakan dalam kajian ini bagi membantu bakal pengkaji dan pembaca kajian memahami dengan lanjut maksud kajian. Antara perkataan-perkataan yang akan diperjelaskan adalah Pembelajaran teradun dan Google Classroom.



1.8.1 Pembelajaran Teradun

Pembelajaran teradun (*blended learning*) adalah gabungan dua istilah yang bermaksud percampuran pembelajaran yang bermakna. Tujuan asasnya merangkumi campuran belajar, boleh dikatakan bahawa pembelajaran menggunakan pelbagai kaedah. Pakar bersetuju bahawa pembelajaran teradun adalah gabungan antara pembelajaran tradisional dan dalam talian. Pembelajaran teradun menggabungkan murid-murid dengan pembelajaran dalam talian yang terbaik, berstruktur secara bersemuka dan aktiviti *hands-on*. Penggunaan campuran hibrid untuk mengenal pasti kepentingan dan mengurangkan atau menghalang murid-murid menggunakan komputer dan telefon bimbit secara negatif. Perkara seperti bermain permainan dalam talian, penggunaan media sosial dan menonton video adalah aktiviti dalam talian yang boleh diakses oleh murid-murid. Penguasaan adaptif dengan ciri-ciri tenaga pengajar dan penyelia dapat dilakukan (Hushamah, 2013).

1.8.2 Google Classroom

Google Classroom adalah aplikasi dalam bentuk pengurusan sistem pembelajaran yang disediakan oleh Google dan boleh dihubungkan melalui e-mel, sehingga mudah diakses. Google Classroom boleh dikatakan sebagai salah satu media pembelajaran berdasarkan kaedah pembelajaran inkuiri kerana Google Classroom boleh melibatkan kemampuan maksimum murid-murid dalam mencari, memahami, menyiasat, menganalisis dan merumuskan hasil pembelajaran (Gofur, 2018).



Google Classroom adalah platform pembelajaran hibrid yang berorientasikan sekolah yang direka untuk memudahkan tugas penciptaan, pengedaran, dan dimensi tanpa kertas. Google Classroom diselaraskan dengan mudah dengan perkhidmatan Google lain seperti Drive, di mana ia mempermudah penyimpanan data dan pengurusan organisasi. Ia juga bercirikan tapak penyimpanan data dan Google Apps for Education dalam persekitaran dalam talian untuk penguasaan dan pengajaran. Rangkaian komputer dan sumber Internet membantu guru mengurangkan penggunaan kertas. Objektif Pembelajaran bilik darjah dirancang adalah untuk membantu guru membuat pengajaran tanpa kertas dari tempat tinggal murid-murid. Pengajaran seumpama ini berpotensi untuk membuat salinan Dokumen Google secara robotik yang dapat menjimatkan masa bagi setiap murid. Folder kelas di Google Drive adalah folder biasa di Google Drive. Ia adalah peribadi dan maklumat atau datanya terpelihara antara guru dan murid-murid sahaja. Murid-murid dapat menyesuaikan apa yang mereka perlukan di laman web tugas dan mula belajar atau membuat tugas dengan satu klik sahaja. Guru boleh memeriksa dengan cepat siapa yang melengkapkan tugas dan berikan komen secara langsung dan pada masa yang sama seperti di dalam kelas sebenar (About Classroom, 2014).

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan dalam bab ini, dapat dilihat bahawa penggunaan kaedah pembelajaran teradun dalam pembelajaran dapat memberikan impak yang tinggi kepada prestasi murid-murid dan membolehkan mereka memahami subjek yang mereka pelajari. Tambahan pula apabila pembelajaran teradun ini diajar menggunakan bantuan



Google Classroom yang menjadi salah satu pemudahcara yang dapat memberikan impak yang lebih tinggi dalam peningkatan prestasi murid-murid. Google Classroom mempermudah guru-guru sekolah untuk mempromosikan pendekatan pengajaran flipped tanpa memerlukan sumber yang nyata, seperti yang sering berlaku dalam suasana pengajaran kelas tradisional. Dalam pada itu, murid-murid mungkin lebih mudah untuk menyelesaikan kerja rumah di Google Classroom kerana mereka dapat mengesan bahan yang relevan melalui Internet (Noor Hazliezah & Maslawati Mohamad, 2020).

